

Headline	FRIM temui herba bantu rawatan kanser		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	12 Oct 2016	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	75 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 155
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 465



FRIM temui herba bantu rawatan kanser

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menemukan herba-herba yang mampu merawat penyakit kanser dalam kajian yang dilakukannya sejak dua tahun lepas.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata walaupun kajian itu belum dimuktamadkan, dapatan awal mendapati sel-sel kanser mampu diubati dengan

penggunaan gabungan herba tertentu.

“Jika tiada kekangan, hasil kajian ini akan dibentangkan pada Jun tahun depan,” katanya kepada pemberita selepas perasmian Seminar Tumbuhan Ubatan dan Be-

raroma ke-14 (MAPS14) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, pada Selasa.

Seminar itu dirasmikan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

Datuk Hamim Samuri.

Tanpa mengulas lanjut mengenai herba berkenaan, Abd Latif berkata gabungan herba itu mampu merangsang sistem aliran darah dan mengurangkan kadar kolestrol.

“Ia juga menurunkan tekanan gula dalam darah selain merencatkan sel-sel kanser di bahagian organ-organ dalam badan,” katanya. – Bernama